

Terma & Syarat MEO

PROMOSI: Minimum Enrollment Order (MEO) – Kekal Bersih, Selamat dan Sihat

TEMPOH PROMOSI: 1 Mei 2020, 9.00 pg hingga 31 Mei 2020, 11.59 mlm., atau sementara stok masih ada

MEKANISME PROMOSI:

- Seperti yang disenaraikan dalam jadual di bawah

# Barangan	Product Description	Harga Borong (RM)	Harga Runcit (RM)	PV	Kelayakan	Had
33796	MEO – Thieves (Kit Sihat & Segar)	595.00	595.00	100.00	Ahli Baharu	Untuk 1,000 Pendaftaran Baharu sahaja
31861	MEO – Wellness (Kit Pelihara & Remaja Semula)	500.00	500.00	100.00	Ahli Baharu	Untuk 1,000 Pendaftaran Baharu sahaja
32579	MEO – KidScents (Kit Si Kecil Ceria)	550.00	550.00	100.00	Ahli Baharu	Untuk 1,000 Pendaftaran Baharu sahaja

PLATFORM PESANAN:

1. DALAM TALIAN (Virtual Office)

PEMENUHAN PESANAN melalui:

1. Penghantaran (*caj dikenakan*)

TERMA & SYARAT: UMUM

1. Promosi sah dari 1 Mei 2020, dari 9.00 pg. hingga 31 Mei 2020, 11.59 mlm., berdasarkan siapa cepat dia dapat, sementara stok masih ada .
2. Tawaran ini terbuka untuk **PENDAFTARAN BAHARU Ahli Young Living Malaysia** semasa tempoh promosi sahaja. Pendaftaran hendaklah dilengkapkan sebelum 31 Mei 2020, 11.59 p.m., atau sementara stok masih ada. Mana-mana pendaftaran yang tidak lengkap pada tarikh yang dinyatakan tidak akan layak untuk menikmati promosi MEO ini (yang mana berkenaan). Pendaftaran untuk warga luar negara perlulah diserahkan sebelum 28 Mei 2020, 11.59 mlm.
3. **Tidak tersedia untuk pengaktifan semula.**
4. Semua pendaftaran mestilah dilengkapkan melalui Virtual Office sahaja. Penyerahan mana-mana pendaftaran melalui hubungan telefon, emel atau jumpa terus dalam tempoh promosi dijalankan tidak akan diterima.
5. Mata penebusan tidak boleh didapati bagi barangan yang tersenarai di atas.
6. Mata penebusan tidak akan tersedia untuk barangan yang tersenarai di atas.
7. **Pendaftar (Enroller) tidak akan dapat memperoleh Bonus Starter Kit sebanyak \$25 dan Bonus Pendaftaran sebanyak \$15 untuk promosi MEO ini.**

8. Young Living Malaysia berhak untuk menggantikan mana-mana barang promosi dengan barang yang mempunyai nilai yang sama sekiranya barang tersebut tidak boleh didapati atas budi bicara syarikat.
9. Young Living Malaysia berhak untuk menamatkan promosi sebelum tempoh promosi berakhir.
10. Versi bahasa Inggeris bagi Terma & Syarat ini hendaklah diutamakan sekiranya terdapat apa-apa percanggahan atau tidak konsisten didapati pada terjemahan bahasa Cina dan bahasa Melayu.

TERMA & SYARAT: PENGHANTARAN

1. Sebaik sahaja pesanan pendaftaran diproses, penukaran alamat tidak akan dibenarkan. Mana-mana penukaran alamat tidak akan disimpan dan pesanan akan dihantar ke alamat yang sedia ada.
2. Sila pastikan pesanan pendaftaran dilakukan di bawah ER atau SO. Sebaik sahaja pesanan diproses, pembatalan penghantaran tidak akan dibenarkan. Sila terima bungkusan tersebut dan pulangkan ke Young Living setelah mendapatkan nombor Pengesahan Pengembalian Barang (RMA).
3. Jika anda (baris atasan) membuat pesanan bagi pihak ahli baris bawahan anda, sila pastikan bahawa ahli baris bawahan anda sedar akan pesanan tersebut supaya dia akan menerima dan tidak menolak bungkusan tersebut setelah dihantar.
4. Apabila anda membuat pesanan melalui penghantaran, sila benarkan pesanan anda untuk dihantar dalam masa 10 hari bekerja.

SOALAN LAZIM (FAQ)

Soalan berkaitan pesanan

S1: Di mana saya boleh dapatkan promosi pendaftaran ini di Virtual Office?

J: Daftarkan ahli baharu anda di <https://www.youngliving.com/vo/#/signup/new-start>

S2: Bolehkah saya jumpa terus dan mendaftar di YL Experience Center (Pejabat YL)?

J: Tidak. Promosi pendaftaran ini hanya boleh didapati melalui pesanan Dalam Talian di Virtual Office sahaja.

S3: Bolehkah saya menghubungi Member Services (MS) untuk mendaftar?

J: Tidak. Pendaftaran hanya boleh dibuat melalui Virtual Office untuk promosi ini.

S4: Bolehkah saya membuat pesanan Dalam Talian di Virtual Office dan mengambil pesanan saya di Experience Center (Pejabat YL) atau KKDC?

J: Tidak. Pendaftaran hanya boleh dibuat melalui Virtual Office dan **semua pemenuhan pesanan ialah melalui penghantaran sahaja.**

S5: Bolehkah saya memilih untuk membuat pengambilan sendiri (iaitu di YLMY Experience Center dan KKDC) untuk promosi ini?

J: Tidak. **Semua pemenuhan pesanan ialah melalui penghantaran sahaja.**

S6: Bolehkah saya membuat berbilang pesanan dalam talian dan hantarkan ke alamat yang sama dengan caj penghantaran 1-kali sahaja?

J: Caj penghantaran dikenakan ke atas setiap pesanan yang dilakukan. Kami sarankan supaya anda menggabungkan pesanan anda mengikut had promosi.

S7: Bolehkah saya menambah/mengubah pesanan supaya layak untuk menikmati promosi PV bulanan?

J: Tidak. Anda hanya akan layak untuk menikmati promosi PV bulanan yang ditawarkan dalam satu pesanan tunggal dan memenuhi keperluan promosi PV tersebut. Setelah pesanan dibuat, ahli tidak akan dibenarkan membuat apa-apa perubahan pada pesanan bagi menikmati promosi PV bulanan. Semua pesanan adalah muktamad.

S8: Adakah promosi pendaftaran ini terbuka untuk pengaktifan semula?

J: Tidak. Promosi pendaftaran ini terbuka untuk Pendaftaran Baharu Ahli Young Living Malaysia semasa tempoh promosi sahaja, berdasarkan siapa cepat dia dapat dan sementara stok masih ada.

S9: Adakah Pendaftar (Enroller) akan memperoleh Bonus Starter Kit sebanyak \$25 bagi setiap pendaftaran baharu?

J: Tidak. Pendaftar (Enroller) tidak akan dapat memperoleh Bonus Starter Kit sebanyak \$25 untuk promosi pendaftaran ini.

S10: Adakah Pendaftar (Enroller) akan memperoleh Bonus Pendaftaran sebanyak \$15 bagi setiap pendaftaran baharu?

J: Tidak. Pendaftar (Enroller) tidak akan dapat memperoleh Bonus Pendaftaran sebanyak \$15 untuk promosi pendaftaran ini.

S11: Adakah pendaftar (enroller) akan memperoleh Bonus Fast Start untuk promosi pendaftaran ini?

J: Ya. Pendaftar (Enroller) akan memperoleh bonus sejumlah 25%, sehingga \$200, ke atas setiap pesanan ahli baharu yang didaftarkan bagi tiga bulan yang pertama. Walaubagaimanapun, kami menggalakkan ahli untuk membuat pesanan sekurang-kurangnya 100PV bagi menikmati faedah Essential Rewards dan bagi Penaja (Sponsor) untuk memperoleh Bonus Unilevel.

S12: Bolehkah saya mendapat kelebihan dengan mendaftar di bawah Essential Rewards dengan promosi pendaftaran ini?

J: Ya. Bagi menikmati faedah dalam Essential Rewards, anda dikehendaki untuk membuat pesanan sebanyak 100PV minimum.

S13: Bagaimana caranya untuk saya mendaftarkan warga luar negara/ekspatriat yang bekerja atau tinggal di Malaysia?

J: Sila hantarkan dokumen sokongan melalui e-mel ke Member Services di: custservmy@youngliving.com **sebelum 28 Mei 2020, 11.59 p.m.** Sila guna subjek berikut pada e-mel anda: **MEO FOREIGN ENROLLMENT.**

S14: Apakah dokumen sokongan yang diperlukan untuk mendaftarkan warga luar negara/ekspatriat yang bekerja atau tinggal di Malaysia?

J: Sila serahkan dokumen sokongan berikut ke custservmy@youngliving.com.

- i. Satu salinan Borang Pendaftaran yang telah lengkap dan ditandatangani
- ii. Satu salinan Kad Pengenalan (IC) atau passport ahli yang didaftarkan, serta satu salinan permit kerja atau Visa
- iii. Satu salinan mana-mana bil utiliti yang menunjukkan nama ahli yang mendaftar, serta satu alamat tempatan di Malaysia sebagai bukti penempatan
- iv. Senarai barangan lain yang ingin dipesan bersama, jika ada

Bagi Pendaftaran Warga Luar Negara, semua e-mel mestilah dihantar sebelum Khamis, 28 Mei, 2020, 11:59 p.m., supaya pendaftaran dapat diproses sebelum akhir bulan.

S15: Apa telah berlaku?

- Saya cuba untuk mendaftar/membuat pesanan Dalam Talian (melalui Virtual Office), tetapi saya tidak dapat meneruskan untuk membuat pembayaran. Apa telah berlaku?
- Saya tidak dapat masukkan produk ke troli. Apa telah berlaku?
- Saya tidak dapat melihat barangan promosi dalam talian. Apa telah berlaku?

J: Semua pendaftaran baharu boleh dilakukan di <https://www.youngliving.com/vo/#/signup/new-start>. Jika anda tidak dapat mendaftar/melihat/membuat pesanan, kami sarankan supaya anda melakukan yang berikut:

Langkah 1: Segar semula laman anda. Jika anda masih tidak boleh melihat barangan tersebut, sila teruskan ke Langkah 2.

Langkah 2: Kosongkan Cache.

Mengosongkan cache dalam Chrome

1. *Buka Chrome pada komputer anda.*
2. *Pada sudut kanan atas, klik Lagi.*
3. *Klik Lagi alatan > Kosongkan data semakan imbas.*
4. *Di bahagian atas, pilih julat masa. Untuk memadam kesemuanya, pilih Sepanjang masa.*
5. *Tanda kotak-kotak di sebelah "Kuki dan data tapak yang lain" dan "Imej dan fail yang dicache".*
6. *Klik Kosongkan data.*

Dalam aplikasi-aplikasi pelayar yang lain

Jika anda menggunakan Firefox atau pelayar-pelayar yang lain, lihat laman sokongannya untuk mendapatkan arahan.

Langkah 3: Cuba buat pesanan anda sekali lagi.

Nota: Jika setelah mengosongkan cache dan anda masih tidak dapat meneruskan dengan membuat pesanan anda, kami sarankan supaya anda lawat semula troli pembelian anda kerana kemungkinan satu daripada barangan tersebut sudah kehabisan stok dan sistem belum disegerakkan lagi.

S16: Bagaimana boleh saya membuat/menambah pesanan produk dengan pendaftaran ini? Bagaimana harus saya lakukan?

J: Sebaik sahaja ahli yang mendaftar memilih starter kit pilihan beliau, sila daftar di bawah Essential Rewards (ER) dan pilih Premium Starter Kit sebagai pesanan ER pertama beliau bagi menikmati faedah sebagai ahli ER, seperti produk percuma.

Step 2: Essential Rewards Enrollment

As an Essential Rewards member, you'll earn up to 25 percent back in product credit and exclusive gifts!

[Learn more here.](#)

Would you like to enroll in Essential Rewards and earn free products?

Yes No

Great choice! We're excited for you to experience the incredible benefits of Essential Rewards. By clicking yes, you are agreeing to all terms and conditions of the Essential Rewards program. You may cancel or change at any time.

Do you want to use your Premium Starter Kit (PSK) as your first Essential Rewards (ER) order? There are perks to using your PSK as your first ER order. You'll automatically meet the order requirements to enroll in Essential Rewards.

Yes No

Wonderful! Your selected Premium Starter Kit and any additional products you add to your cart today will count for your Essential Rewards order this month! Please select or create your Essential Rewards order for the next month below.

Kemudian, sila senaraikan pesanan ER bulanan anda.

Choose your Essential Rewards Kit


Customise Your Kit



To customise your Essential Rewards Monthly Order click the button below

[Customize Monthly Order](#)

NingXia Red Essential Rewards 844.00



[View Product Details](#)

Anda boleh menambah produk bersama pendaftaran ini dengan mengklik 'Add More Products' dan klik 'Next' bagi memuktamadkan pesanan anda di seksyen '**Continue Enrollment**'. Sila layarai **Virtual Office > Member Resources > PSK Enrollment with ER** untuk maklumat lanjut.

Continue Enrollment

To add additional products to your enrollment order, click "Add More Products." Click "Next" to finalize your order.

[Add More Products](#)

[Next](#)

S17: Adakah saya perlu membayar fi penghantaran?

J: Ya. Caj penghantaran berikut akan dikenakan kecuali dinyatakan sebaliknya.

Standard Order		Pesanan Essential Rewards	
0kg – 2kg	RM20.00	0kg – 2kg	RM12.00
2kg – 3kg	RM25.00	2kg – 3kg	RM17.00
3kg ke atas	RM30.00	3kg ke atas	RM22.00

S18: Jika saya membuat pilihan penghantaran, bila boleh saya terima pesanan saya?

J: Apabila anda membuat pesanan melalui penghantaran, anda akan menerima pesanan anda dalam 10 hari bekerja selepas pembayaran berjaya diproses. Sila pastikan alamat dan butiran hubungan anda adalah betul ketika membuat pesanan bagi mengelak kelewatan dalam penghantaran.

S19: Satu daripada minyak yang saya terima hanya terisi separuh penuh setelah diperiksa. Apa yang patut saya lakukan?

J: Sila hantarkan e-mel kepada pasukan Member Services kami di custservmy@youngliving.com dan mereka akan menerangkan kepada anda tentang dasar isian kurang. Pastikan perkara ini dimaklumkan dalam tempoh 5 hari bekerja selepas produk diterima.

Soalan berkaitan pembayaran

S1: Bagaimana jika pembayaran saya masuk ke batch 103?

J: Pesanan di bawah batch 103 akan disahkan dengan segera semasa dalam tempoh promosi. Pesanan hanya akan disahkan dan dihantar selepas pembayaran berjaya dilakukan. Jika pembayaran kemudiannya ditolak, pesanan tersebut akan dibatalkan. Sila pastikan pesanan diproses semula pada hari yang sama untuk layak menikmati promosi ini. **Kami sarankan supaya anda tidak menggunakan kad kredit yang sama untuk transaksi/pesanan yang berbilang bagi mengelakkan isu pembayaran batch.**

S2: Saya telah memproses pendaftaran saya tetapi status pesanan masih menunjukkan pembayaran belum diproses. Saya telah menghubungi pihak bank untuk mendapatkan penjelasan dan mereka menyatakan bahawa pembayaran telah berjaya dilakukan. Apa yang perlu saya lakukan?

J: Sila benarkan pembayaran dipaparkan pada sistem dalam tempoh 24 jam. Jika status masih menyatakan dalam proses selepas 24 jam, sila hantarkan e-mel kepada custservmy@youngliving.com untuk menyemak status tersebut.

Peringatan lain-lain

- Sila pastikan bahawa alamat penghantaran di Virtual Office telah dikemaskinikan dan butirannya dimasukkan ke kolum yang betul cth. jangan masukkan Poskod di bawah kolum Bandar.
- Sila pastikan bahawa nombor anda untuk dihubungi sentiasa dikemaskinikan.
- Menurut seksyen Dasar dan Tatacara Young Living, ahli hanya dibenarkan untuk melakukan penjualan semula produk kepada bukan ahli pada julat harga antara 10% lebih daripada Harga Borong dan 24% daripada Harga Runcit. Ini tidak boleh dipakai untuk barangan percuma atau barangan yang dibeli semasa promosi istimewa. Oleh itu, apa-apa diskaun bulanan atau istimewa daripada Young Living ke atas produk adalah ditawarkan khas untuk ahli sahaja.



- Seperti yang dinyatakan di atas, promosi ini tidak boleh ditawarkan sebagai produk jualan semula kepada bukan ahli. Ahli juga tidak dibenarkan untuk menggunakan inventori lebihan mereka sendiri untuk meniru promosi yang serupa semasa tempoh jualan bulanan atau istimewa Young Living berlangsung.

– DOKUMEN TAMAT –